

10 MAR 1997

GRACE PACKAGING CUBA TEMBUSI PASARAN JEPUN

KUANTAN, 10 Mac (Bernama) -- Grace Packaging (M) Sdn Bhd, pengeluar plastik pembungkus bermutu tinggi (cyovac shrink film), menjangka dapat menembusi pasaran Jepun dalam masa enam bulan akan datang, kata pengurus pengeluarannya Nor Azmi Abdul Rahim hari ini.

Menurut beliau pada masa ini kilang itu mengeluarkan 2,600 tan metrik plastik pembungkusan setahun yang kebanyakannya dieksport ke pasaran Asia Pasifik.

Kilang yang mempunyai 140 pekerja itu menggunakan peralatan berteknologi tinggi dan memulakan operasi Jun tahun lepas dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 Mac ini.

Bercakap kepada pemberita di kilang tersebut hari ini, Nor Azmi berkata syarikat mempunyai pelan jangka panjang untuk memperluaskan operasinya bagi tempoh sehingga 20 tahun akan datang.

Katanya kawasan kilang yang luas membolehkan pembesaran syarikat itu dibuat fasa demi fasa selain menambahkan lagi saluran pengeluarannya.

Grace Packaging dan Grace Specialty Chemical Plant adalah anak syarikat W.R Grace yang berpangkalan di Florida, Amerika Syarikat. Kedua-dua kilang berkenaan ditubuhkan di tapak seluas 30.34 hektar di Kawasan Perindustrian Gebeng membabitkan pelaburan berjumlah AS\$86 juta (RM215 juta).

Grace Specialty mengeluarkan 5,200 tan metrik silika setahun yang antara lain digunakan sebagai penyalut untuk cat dan ubat gigi. -- BERNAMA
ROS SIA